



PASUKAN yang mara ke perlawanan akhir pertandingan futsal bergambar kenangan sebelum perlawanan bermula.

Pertandingan futsal BIG UMS berjaya

UB 17.4.2014 AT4

KENINGAU: Pertandingan futsal peringkat sekolah telah diadakan di Sekolah Kebangsaan (SK) Merampong, Keningau anjuran Program Pensiswazahan Guru (PPG) Sabtu lepas.

Kejohanan tersebut telah dirasmikan oleh Guru Besar SK Merampong Ahadin@ Joe Kontogou.

Dalam ucapan perasmian penutupan beliau berkata, mutu bola sepak negara pasti akan berkembang dengan lebih baik lagi jika banyak pertandingan seperti ini diadakan bagi mencungkil bakat-bakat baru dan seterusnya mengharumkan nama negara di persada antarabangsa.

Tambahnya, sukan perlu seimbang dengan pelajaran agar masa depan pelajar akan lebih baik dan terjamin.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada pihak UMS bagi PPG / PJK Kohort 1 kerana mengadakan pertandingan tersebut di sekolah berkenaan.

Sementara itu, wakil dari PPG/PJK Kohort 1 Jospher



JOE Kontogou (kanan) menyampaikan hadiah kepada wakil pelajar yang memenangi perlawanan futsal anjuran BIG (UMS) sambil disaksikan Masdi Ahmad Mus.

Joanes berkata, aktiviti ini adalah sebahagian daripada Program Bina Insan Guru (BIG) di mana setiap kumpulan perlu menyiapkan dua program yang berasingan.

Sebelum ini kumpulan ini juga telah mengadakan Kem Motivasi peringkat sekolah

di SK. Jaya Baru Keningau.

Turut hadir pada program tersebut ialah Masdi Hj. Ahmad Mus, Tommy Dexter Sammy, Sylvia Galsius, Noris Marlin, Alexsorn Thumas, Md. Idris Asby, Flora Loingan dan Rohani Soumin.